KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

PKPMP.PKHN.600-3/3/1

10 September 2021

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar / Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 11 TAHUN 2021
PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 107A Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], saya, setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi mengemas kini tatacara dan memastikan keseragaman amalan berhubung dengan pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] ("KTJ") bagi Mahkamah di seluruh Malaysia seperti yang berikut:

Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah seksyen 117 KTJ di seluruh Malaysia.

TAFSIRAN

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Majistret" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Rendah 1948;

"Permohonan Reman" ertinya apa-apa permohonan yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Polis di hadapan Majistret bagi mendapatkan suatu perintah tahanan di bawah seksyen 117 KTJ;

"sistem e-Kehakiman" ertinya mana-mana sistem aplikasi Mahkamah yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi urusan dan prosiding Mahkamah.

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH

4. Selaras dengan peruntukan seksyen 117 KTJ, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:

(a) sebelum Permohonan Reman didengar di hadapan Majistret, dokumen-dokumen yang berikut telah difailkan melalui sistem e-Kehakiman:

(i) Permohonan Reman;

(ii) salinan diari siasatan yang lengkap di bawah seksyen 119 KTJ; dan

(iii) apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan reman tersebut; dan

(b) orang yang disyaki ("OYDS") dikemukakan di hadapan Majistret.

5. Sebelum pengendalian prosiding Permohonan Reman dimulakan, OYDS hendaklah mengesahkan kepada Majistret perkara-perkara yang berikut:

(a) bagi OYDS yang mempunyai peguam, OYDS telah diberi peluang untuk menghubungi peguamnya; dan

(b) bagi OYDS yang belum melantik peguam, OYDS telah menyatakan hasrat untuk diwakili oleh mana-mana peguam pilihannya.

6. Bagi OYDS yang tidak diwakili oleh peguam atau tidak berkeupayaan untuk melantik peguam, OYDS tersebut akan dimaklumkan oleh Majistret akan hak OYDS untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ("YBGK") sekiranya OYDS memenuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) OYDS adalah seorang warganegara; dan

(b) OYDS tidak disiasat di bawah mana-mana undang-undang pencegahan, penculikan dan melarikan orang.

7. Bagi maksud perenggan 5 dan 6, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan bahawa, bagi OYDS yang—

(a) telah melantik peguam, peguam yang mewakili OYDS telah dihubungi;

(b) belum melantik peguam, tetapi berhasrat untuk melantik peguam pilihannya sendiri, peguam tersebut telah dihubungi; atau

(c) berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan peguam YBGK, pihak YBGK telah dihubungi,

dan peguam tersebut telah dimaklumkan agar hadir bagi tujuan pengendalian prosiding Permohonan Reman tersebut.

8. Tertakluk kepada perenggan 7, pengendalian prosiding Permohonan Reman hendaklah ditangguhkan kepada suatu tempoh masa yang munasabah, dalam hari yang sama, bagi membolehkan peguam hadir untuk mewakili OYDS.

9. Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 8, pengendalian prosiding Permohonan Reman akan diteruskan sekiranya—

(a) OYDS tidak mahu diwakili oleh peguam dan/atau enggan mendapatkan khidmat bantuan guaman YBGK; atau

(b) tiada peguam yang hadir setelah tempoh masa munasabah diberikan.

10. Semasa mengendalikan prosiding Permohonan Reman, Majistret hendaklah dimaklumkan oleh—

(a) Pegawai Penyiasat Polis berkaitan dengan status Permohonan Reman tersebut sama ada ia adalah suatu Permohonan Reman baharu atau lanjutan;

(b) OYDS berkaitan dengan layanan terhadapnya semasa dalam tahanan pihak polis; dan

(c) OYDS berkaitan dengan keadaan kesihatannya.

11. Bagi maksud perenggan 10(c), sekiranya Majistret mendapati bahawa OYDS memerlukan rawatan, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan bahawa OYDS tersebut dibawa ke hospital bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan yang sewajarnya.

12. Semasa pengendalian prosiding Permohonan Reman, Peguam OYDS hendaklah mengemukakan representasi kepada Majistret.

13. Tanpa menjejaskan kuasa dan budi bicara untuk mempertimbangkan Permohonan Reman serta menetapkan tempoh bagi apa-apa perintah reman yang akan diberikan, Majistret dalam menjalankan kuasanya boleh membuat rujukan kepada keputusan-keputusan kes Mahkamah Atasan yang terkini dan *Bench Book (Criminal Law)* yang dikeluarkan oleh Badan Kehakiman Malaysia yang menyentuh mengenai isu reman.

SUSUNAN KEUTAMAAN BAGI PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DALAM KETIADAAN MAJISTRET

14. Dalam ketiadaan Majistret, prosiding Permohonan Reman yang melibatkan siasatan berkenaan apa-apa kesalahan jenayah—

(a) yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara untuk tempoh 14 tahun atau lebih;

(b) yang melibatkan OYDS yang merupakan individu berprofil tinggi;

(c) di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*]; dan

(d) yang disifatkan sebagai berkepentingan awam,

hendaklah dikendalikan oleh Majistret *ex-officio* mengikut keutamaan seperti yang berikut:

(a) Hakim Mahkamah Sesyen;

(b) Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi di Malaya (bagi Permohonan Reman di Semenanjung Malaysia sahaja);

(c) Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi di Malaya (bagi Permohonan Reman di Semenanjung Malaysia sahaja);

(d) Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah; atau

(e) mana-mana pegawai lain seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Keempat Akta Mahkamah Rendah 1948.

LOKASI DAN HARI PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN

15. Semua prosiding Permohonan Reman hendaklah dikendalikan—

(a) di Mahkamah atau di mana-mana pusat tahanan yang telah diwartakan untuk tujuan reman; dan

(b) pada setiap hari termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti umum.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

16. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2021.

PEMBATALAN

17. Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 3/2003 Perintah Penahanan di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) dan perenggan 2A Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Reman dan Pengendalian Kes-Kes Jenayah Selaras Dengan Penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan) adalah dibatalkan.

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak